

SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA BAKAL JADI TUMPUAN

August 4, 2016, Thursday

Borneo Post

KUCHING: Kehangatan bahang Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-18 Sarawak belum terpadam kini diteruskan dengan Sukan Paralimpiad Malaysia Ke-18 Sarawak yang bakal menyingkap tirai saingan bermula 6 Ogos ini.

Saingan hari pertama bakal menyaksikan tiga sukan mula dipertandingkan membabitkan acara tumpuan olahraga, badminton dan boling padang.

Sebelum ini, Stadium Sarawak gamat dengan sorakan penyokong dari setiap kontinjen yang bertanding pada SUKMA XVIII malah lebih manis beberapa rekod baharu telah dicipta.

Tidak kurang bezanya dengan sambutan Sukan Paralimpiad 2016 apabila Sarawak sekali lagi menjadi tuan rumah penganjuran sukan peringkat kebangsaan selepas dipertanggungjawab mengelolakan temasya SUKMA XVIII.

Acara olahraga memulakan saingan pada hari pertama kejohanan dengan menawarkan sembilan pingat emas menerusi acara padang dan balapan.

Antaranya lompat jauh, lontar peluru, merejam lembing, 100 meter lelaki dan wanita yang akan berlangsung di Stadium Sarawak.

Dalam acara ini tuan rumah, Sarawak menyasarkan tuaian 30 pingat emas.

Sementara itu, Arena Boling Padang Sarawak sekali lagi menjadi pentas pertandingan boling padang selama lima hari bermula 6 Ogos ini menerusi kategori berpasangan sebagai perlawanan pembukaan.

Institut Perguruan Tun Abdul Razak (IPGTAR) Kota Samarahan dipilih menjadi venue sukan badminton yang bakal menyaksikan saingan hari pertama acara berpasukan dilangsungkan sekali gus menawarkan satu pingat emas.

Manakala enam acara lain memulakan saingan pada 7 Ogos melibatkan memanah, renang, tenpin boling, angkat berat, pingpong, dan catur yang diadakan di Kuching dan Kota Samarahan.

Bagaimanapun, setakat ini dijangka tiada lagi perubahan venue pertandingan meskipun sebelum ini terdapat sedikit rombakan dilakukan.

Venue sukan adalah seperti berikut memanah (lapang sasaran UNIMAS), renang (Pusat Akuatik Sarawak), tenpin boling (Megalane Bowling Centre, Emart Batu Kawa), pingpong (Stadium Tertutup Kota Samarahan), catur (De- TAR UNIMAS), dan angkat berat (Dewan Jubli UiTM Samarahan).

Juara bertahan 11 kali, Sarawak menyasarkan 80 pingat emas pada edisi ke-18 ini selepas meraih 66 emas pada temasya sama di Perlis dua tahun lalu.

Tuan rumah diperkuatkan dengan penyertaan 201 atlet dan 77 pegawai yang mengambil bahagian dalam semua sembilan acara dipertandingkan.